

# Kepelbagaian Malaysia pikat Chile

## Kestabilan politik bawa harapan capai wawasan sebagai negara maju

Oleh Jamhariah Jaafar

**D**ENGAN Presidennya seorang wanita dan separuh daripada menteri dikuasai golongan Hawa, Chile yakin pendekatannya mengambil hati rakyat, di samping mencipta kerajaan yang lebih kukuh dan stabil akan membawa negara itu mencapai wawasan sebagai negara maju lebih awal daripada yang dijadualkan.

Duta Chile ke Malaysia, Patricio Torres, berkata sejak Michelle Bachelet Jeria, dilantik Presiden Mac lalu, banyak janji dan program berjiwa rakyat yang bukan saja memenangi hati penduduknya, bahkan menjadikan negara itu lebih kukuh dan stabil.

"Beliau membawa udara lebih segar kepada rakyat Chile yang sekali gus membuatkan kami turut terpanggil untuk mengambil pendekatannya iaitu lebih berjiwa rakyat," kata Torres yang memang tidak menghadapi masalah berketuakan seorang wanita.

Tetapi, tanpa perlu melihat kepada wanita yang menjadi Presiden Chile itu, dutanya di Kuala Lumpur ini terbukti cukup serius dalam menjalankan tanggungjawabnya dan paling penting, majlis yang disertai bukan sekadar program rasmi penuh dengan protokol.

"Sejak tiba di Kuala Lumpur dua tahun lalu, saya cukup sibuk. Hampir setiap minggu ada saja program membabitkan usaha memperkenalkan budaya Chile kepada rakyat Malaysia atau menghadiri program tempatan.

"Saya juga sibuk memberi ceramah kepada penuntut universiti dan lebih penting menunjukkan wajah Malaysia sebenar kepada tetamu dari Chile yang tidak kunjung padam," kata duta periang ini.

Bermula dari menjejakan kaki di Malaysia pada April 2004, sehingga anak perempuannya berusia 10 tahun meluahkan harapan supaya dapat tinggal di negara ini lebih lama, Torres masih belum rasa kagum terhadap keindahan serta kekayaan khazanah Malaysia yang perlu dijejaki dengan sabar.

"Bermula dengan Semenanjung, penjelajahan ke kampung di Pahang, Terengganu dan Kelantan, membuatkan saya amat kagum dengan kejayaan Malaysia yang mencipta sebuah bandar raya metropolitan

amat canggih seperti Kuala Lumpur, masih mampu memiliki pekan dan kampung yang kaya dengan khazanah budaya.

"Itu belum lagi dikira dengan penjelajahan ke utara Malaysia dan kawasan Sabah dan Sarawak, yang membuatkan saya sentiasa kagum dengan keindahan semula jadi yang masih belum tercemar," katanya.

Torres berkata, dia juga tidak menghadapi masalah membawa tetamunya dari Chile untuk menunjukkan cara hidup rakyat Malaysia di tengah-tengah hutan batu Kuala Lumpur.

"Anda cuma perlu pandai untuk meninjau. Dari pusat kraftangan di Jalan Conlay ke China Town. Begitu juga Masjid Negara amat indah dan Muzium Kesenian Islam dalam kawasan /sama membuatkan kami lebih peka mengenai agama Islam. Itu belum lagi membabitkan kesenian sastera dan lukisan di sepanjang Jalan Tun Razak.

"Anda adalah rakyat yang paling suka makan. Kami amat kagum dengan pelbagai jenis makanan di negara ini dan tidak mengira masa pula.

"Saya boleh berada di sini beberapa tahun lagi dan pasti akan terus menemui sesuatu yang baru mengenai Malaysia. Ini saya belum sentuh lagi kekayaan budaya anda di Sabah dan Sarawak," katanya.

Jambatan hubungan Malaysia-Chile mula terbina pada 1990-an dengan lawatan kedua-dua pemimpin negara ketika itu dan hubungan dua hala mungkin dapat diperkukuhkan dengan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang kini dalam kajian.

Hubungan kukuh sejak 1990-an itu membuat Chile memiliki satu hubungan kukuh dengan sekurang-kurangnya satu negara di

Asia Tenggara ini.

Kajian membabitkan FTA yang dipersejuti kedua-dua pemimpin negara sebelum ini jika direalisasikan akan menjadikan Chile negara Latin Amerika pertama yang mempunyai hubungan berasaskan perjanjian dagang yang kukuh.

Nilai dagang di antara kedua-dua negara mencecah sehingga RM800 juta pada tahun lalu dan dijangka mencapai angka RM1 bilion tahun ini. Malaysia menumpukan perhatian kepada eksport barangan elektronik dan industri, manakala Chile lebih ke arah produk hasil utama terutama makanan laut dan sayur-sayuran.

"Dengan Chile di antara negara Latin Amerika terbanyak menggunakan telefon bimbit, pada anggaran saya mungkin 80 peratus daripada telefon terbabit diimport dari Malaysia," katanya mengenai produk yang menjadi kegunaan manusia hari ini.

Chile adalah antara negara yang terbabit dengan Ekspedisi Pacuan Empat Roda ke Latin Amerika anjuran sebuah persatuan pacuan empat roda Kuala Lumpur menjanjikan tiga daerah yang amat jauh berbeza.

Utara Chile diselubungi gurun Atacama yang kaya dengan pelbagai galian, terutama tembaga dan nitrat. Kawasan tengahnya berlembah subur yang turut menempatkan ibu negaranya, Santiago, yang menjadi tumpuan majoriti penduduk dan menjadi lokasi utama bagi industri pertaniannya.

Lebih jauh ke selatan, menjanjikan Banjaran Andes yang mengandungi hutan tebal dan kawasan ragut, yang disulami gunung berapi dan tasik indah. Lebih mengagumkan ia turut menempatkan kawasan paling sejuk di dunia iaitu Antartika.

"Chile memang membuat tuntutan ke atas sebahagian daripada Antartika, tetapi ketika ini semua perjanjian membabitkan daerah itu beku, sebeku ketulan air yang meliputi daerah itu.

"Bagaimanapun, kami memiliki pusat penyelidikan saintifik, di samping membantu saintis luar yang ingin membuat kajian di sana," katanya.

Antara yang menerima bantuan Torres dan Kerajaan Chile ialah Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, yang menjadi wanita pertama Malaysia menjelajah benua sejuk Antartika.

"Saya mengagumi semangatnya kerana dia memiliki azam dan kekuatan yang boleh memberi inspirasi.

"Kerana itu saya membantunya dari awal ekspedisi pertama itu dan turut meminta Presiden saya menerima beliau ketika berada di Chile," katanya sambil menunjukkan batu Antartika yang dihadiahkan Sharifah Mazlina.

Menjawab soalan, Torres menegaskan walaupun ramai pelabur asing mula menumpukan perhatian kepada negara Asia lain berikutan tawaran kos pengeluaran lebih murah, namun rata-rata masih melihat kepada Malaysia kerana ia memiliki prasarana dan sumber manusia berpendidikan tinggi.

"Memang sebagai pelabur mereka akan mencari tempat pelaburan yang paling murah, tetapi apa yang dimiliki Malaysia ialah sumber manusia yang berpendidikan tinggi-

"Apa yang lebih penting lagi ialah anda mempunyai undang-undang buruh yang stabil, di samping ekonomi makro yang sungguh menarik.

"Tidak ada guna jika pelabur melabur di tempat yang murah, tetapi akhirnya mereka menghadapi pelbagai masalah terutama dari segi birokrasi dan sumber manusianya," katanya.

Dalam hal pendidikan, katanya, Chile dan Malaysia mempunyai pendirian yang sama iaitu mengutamakan pendidikan rakyat yang juga menjadi kunci utama kepada status pembangunan yang ingin dikecapi menjelang 2020.

"Saya perlu mengaku di sini betapa maju dan moden Kuala Lumpur hari ini. Semua tetamu saya, termasuk keluarga apabila ke sini benar-benar terkejut dengan arus kemodenan melanda rantau ini," katanya.

**"Saya berharap mempunyai lebih banyak masa untuk mengenali Malaysia dengan lebih dekat"**

**Patricio Torres**  
Duta Chile ke Malaysia

